

SEJARAH DAN WARISAN

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, kenal pasti maksud kosa kata yang berhuruf tebal.

KEMAHIRAN MEMBACA - SP : 2.4.1

Bangunan Sultan Abdul Samad ialah bangunan **peninggalan** Inggeris yang masih tersergam indah di bandar ya Kuala Lumpur. Pada awal pembinaannya, bangunan ini terletak di antara pertemuan Sungai Klang dengan Sungai Gombak. Bangunan ini terletak di atas sebidang tanah seluas 1.034 hektar dan **keluasan** bangunan ini ialah 10 200 meter persegi. Arkitek bangunan ini ialah Arthur Charles Norman, seorang rakyat British. Bangunan ini dinamakan bangunan Sultan Abdul Samad bersempena dengan nama sultan Selangor pada masa bangunan.

Bangunan Sultan Abdul Samad dibina pada tahun 1894 hingga 1897 dengan kos binaan \$152 824. Demi memudahkan urusan pembinaan, sebuah kilang batu telah dibina di Brickfields untuk membekalkan bahan-bahan yang diperlukan, iaitu 4 juta batu, 2500 tong simen, 18 000 pikul kapur, 5000 paun tembaga, 50 tan besi keluli dan 30 000 kaki padu kayu. Setelah siap dibina, bangunan ini dirasmikan oleh Residen Jeneral Selangor Sir Frank Swettenham pada 4 April 1897. Bangunan ini digunakan oleh kerajaan British sebagai pusat **pentadbiran**.

Bangunan Sultan Abdul Samad sangat unik kerana seni binanya amat kreatif. Reka bentuk bangunan bercirikan unsur **tradisional** dan moden, iaitu mengabungkan ciri-ciri seni bina Moorish dan Moghul. Ciri-ciri Islam dapat dilihat pada binaan tiga buah kubah di atas bangunan. Pada awalnya, kubah ini diperbuat daripada kayu dan batu bata yang dicat hitam, kemudian digantikan dengan kubah yang **bersalut** tembaga agar tahan lama.

Bangunan Sultan Abdul Samad terletak berhadapan dengan Dataran Merdeka dan Kelab Diraja Selangor. Beberapa peristiwa bersejarah telah berlaku di hadapan bangunan ini. Antaranya ialah acara penurunan bendera Union Jack untuk digantikan dengan bendera Jalur Gemilang pada 31 Ogos 1957.

peninggalan	
keluasan	
pentadbiran	
tradisional	
bersalut	

sesuatu bekas dari zaman dahulu

bersifat atau mengikut tradisi

perbuatan mentadbirkan

perihal luas

berbalut, berbungkus, bersampul, bersarung

KEMAHIRAN MEMBACA

Baca dan fahami petikan di bawah. Kemudian, nyatakan **kegunaan Halia Bara**.

KEMAHIRAN MEMBACA - SP : 2.3.1

Tumbuhan Halia Bara sama seperti pokok halia biasa yang mempunyai bentuk berumpun, Ketinggian tumbuhan ini di antara 15-30 cm dari paras tanah bergantung kepada kesuburan tanah dan pengurusan tanaman. Daunnya adalah kelihatan seperti pokok halia biasa, halia padi atau bonglai. Batang halia keluar dari perdu pokok dan mempunyai batang yang sederhana lembut naik menegak ke atas dengan beberapa helai pelepah daun. Halia ini memiliki rizom bersaiz kecil daripada halia biasa dan berwarna kemerahan. Saiz rizom seakan halia padi tetapi berwarna merah dengan isi kekuningan dan memang terasa lebih pedas. Keunikan rasa pedas ini membezakan dengan halia biasa dan menjadikan ia amat sesuai digunakan oleh pengamal perubatan.

Antara khasiat halia bara adalah seperti kegunaannya di dalam mengubati penyakit kulit seperti panau dan kurap. Selain itu khasiatnya adalah seperti mampu untuk menghilangkan tompok-tompok panau dengan mujarab. Halia Bara juga mampu menghilangkan kelemumur pada rambut serta merawat untuk menghilangkan rasa sengal-sengal otot serta sendi urat saraf. Halia bara juga didapati dapat menghilangkan batuk, meredakan demam malaria, malah dapat membantu menghilangkan masalah penyakit gout dan juga merawat penyakit resdung.

Seperti air minuman halia, minuman halin hara juga mampu mengeluarkan angin dari tubuh setelah meminumnya seperti 'air sarbat halia bara. Ramai penduduk kampung dan orang asli yang menggunakan halia bara untuk merawat kesan gatal gigitan serangga. Selain itu juga dapat melegakan demam dan kadang-kadang digunakan sebagai bahan untuk rawatan ibu selepas bersalin.

1	
2	
3	
4	
5	
6	

SENI WARISAN ANAK BANGSA

TATABAHASA - S.P : 5.1.4

Lengkapkan ayat dalam perenggam dengan kata kerja tak transitif yang sesuai.

belajar	berjaya	wujud	menjadi
berkualiti	terkenal	pulang	berseni

Sarawak atau nama jujukannya Bumi Kenyalang (1) _____ oleh hasil kraf tangan yang unik dan (2) _____. Satu daripada hasil kraf tangan yang mendapat perhatian pelancong asing ialah pasai Sarawak. Pasu Sarawak dikatakan telah (3) _____ sejak sekian lama.

Di Sarawak, kaum Iban adalah antara kaum peribumi yang mewarisi kerja tangan ini. Mereka menghasilkan pasu tersebut untuk tujuan kerohanian dan upacara-upacara rasmi kaum mereka. Kerja-kerja seni ini dilakukan dengan teliti sekali sehingga (4) _____ menghasilkan pasu Sarawak yang tahan lama (5) _____ dan memuaskan hati pengguna. Sebenarnya proses pembuatan pasu Sarawak tidak mudah. Proses untuk menyiapkan sebuah pasu Sarawak dengan menggunakan tangan mengambil masa yang agak lama, iaitu kira-kira sebulan. Oleh itu, seseorang yang ingin (6) _____ tentang cara menghasilkan pasu Sarawak mesti memberikan tumpuan yang sepenuhnya hingga pasu yang dihasilkan (7) _____. Walau bagaimanapun, penggunaan mesin bagi menggantikan kaedah tradisional ini telah mempercepat proses penghasilan pasu Sarawak.

Menurut sejarah, tujuan asal penghasilan seni kraft ini adalah sebagai peralatan memasak makanan dan kegunaan rumah tangga. Namun demikian, seiring dengan peredaran masa, fungsi pasu Sarawak sudah dipelbagaikan menjadi lampu sisi bekas payung, pasu bunga, bekas potpuri, dan lain-lain. Semua hasil kraf tangan ini amat indah buatannya. Harga yang ditawarkan pula tidak terlalu tinggi Oleh sebab itu, pasu Sarawak sering dijadikan sebagai cenderamata oleh pelancong untuk dibawa (8) _____ ke tempat asal mereka.